

26/05/1997

Pengundi tentukan bakal Menteri Besar

Razali Zakaria

KUALA SELANGOR: Tanya penduduk tempatan atau pun orang luar ke daerah ini mengenai keputusan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Permatang, dan jawapan mereka:

"Barisan Nasional akan menang dan Datuk Abu Hassan Omar akan menjadi Menteri Besar Selangor..."

Begitulah keyakinan pengundi di kawasan itu mengenai keputusan pemilihan yang akan diadakan serentak dengan pilihan raya kecil kerusi Parlimen Kuala Selangor pada 29 Mei ini.

Meninjau secara dekat demam pilihan raya itu, orang ramai sudah dapat membuat kesimpulan siapa yang akan menang dan siapa pula yang akan kalah.

Dan, seperti pilihan raya umum atau kecil di tempat lain, BN masih mendahului dari segi pemasangan poster. Tetapi yang lebih banyak bukan poster calon, sebaliknya poster Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di pekan, kampung atau lorong untuk masuk ke kampung terentang poster BN, berlatarbelakangkan warna biru dan tertera gambar dacing. Hanya sedikit poster pembangkang iaitu Pas dipasang seiring poster BN.

Namun apa yang membimbangkan jentera pilihan raya BN kawasan itu ialah sama ada pemilih akan keluar beramai-ramai untuk membuang undi pada 29 Mei ini.

Pilihan raya kecil di Parlimen Kuala Selangor, terutama bagi kerusi DUN kawasan Permatang adalah satu sejarah bagi Selangor dan negara.

Ini kerana buat pertama kalinya, rakyat negeri itu, khususnya di DUN Permatang sendiri akan membuat keputusan untuk melantik Menteri Besar Selangor.

Kali ini, Perdana Menteri hanya mencadangkan nama Datuk Abu Hassan Omar, 55, sebagai bakal Menteri Besar dan diperkenan Sultan Selangor serta dipersetujui ahli DUN yang lain.

Tetapi, sama ada cadangan Perdana Menteri itu dipersetujui atau tidak terletak di tangan pemilih di kawasan DUN Permatang pada hari pemilihan 29 Mei ini.

Di tangan merekalah letaknya corak kepemimpinan dan hala tuju Selangor di alaf akan datang. Abu Hassan adalah anak tempatan Kuala Selangor yang berasal dari Kampung Bukit Belimbing.

Lawannya, Mohd Maskuri Mardzuki, 44, yang tergolong dalam keluarga terkaya di kawasan itu pula adalah anak tempatan Kampung Sungai Gulang-Gulang yang kini menjadi satu daripada kubu kuat BN.

Seperti kata Abu Hassan, pilihan raya kecil kali ini adalah yang paling mencabar dan berat tanggungjawab di bahu penduduk DUN Permatang dan Parlimen Kuala Selangor.

"Ini kerana keputusan mereka akan menentukan perlantikan Menteri Besar Selangor yang dikehendaki Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Dari segi kempen, jelas BN mendahului Pas. Tetapi perlu diingat bahawa Pas juga menggerakkan jentera pilihan rayanya menerusi pasukan muslimah yang bergerak dari rumah ke rumah untuk merayu undi.

Kesimpulannya, kedudukan Abu Hassan amat kukuh, tetapi semuanya bergantung kepada jumlah pemilih yang keluar membuang undi.

Bagaimanapun, jentera BN kawasan itu perlu memberi perhatian yang lebih kepada calon BN bagi kerusi Parlimen Kuala Selangor, Datuk Jamaluddin Adnan, 52, yang khabarnya tenggelam dengan populariti Abu Hassan.

Dan, yang penting MCA, Gerakan serta MIC perlu berusaha meningkatkan kempen di kalangan masyarakat Cina dan India supaya memberi sokongan kepada calon BN, khususnya Jamaluddin.

Jamaluddin akan menghadapi tentangan calon Pas, Ahmad Alang, 40. Tetapi, seperti yang diketahui, kekuatan Pas tanpa isu menarik untuk dipanaskan, tidaklah seberapa.

Memang jika ditinjau lebih jauh lagi, kedua-dua calon Pas itu tidak mampu menggugat kemampuan BN, apa lagi tanpa isu untuk dipanaskan.

Yang penting sekarang ialah usaha menangkis hasutan pihak tertentu agar pemilih tidak keluar membuang undi pada 29 Mei ini dipertingkatkan. Pemilih perlu disedarkan betapa pentingnya pilihan raya kecil kali ini.

(END)